

08/10/2003

Bali Concord II penentu hala tuju Asean

M Thilinadan

KETUA-ketua negara Asean semalam menandatangani Deklarasi Asean Concord II (Bali Concord II), sebuah dokumen bersejarah yang menentukan hala tuju pertubuhan itu dalam bidang keselamatan, ekonomi dan sosio budaya, sekaligus untuk mewujudkan Komuniti Asean menjelang 2020.

Deklarasi lapan muka itu ditandatangani Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri; Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo; Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra.

Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah; Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong.

Perdana Menteri Vietnam, Phan Van Khai; Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen; Perdana Menteri Laos, Bounyang Vorachit dan Perdana Menteri Myanmar, Khin Nyunt. Bercakap mengenai deklarasi itu, Megawati berkata, Bali Concord II akan melahirkan komuniti Asean yang akan membolehkan warganya dan anak mereka hidup dalam persekitaran aman, stabil dan kemakmuran yang dikongsi bersama.

Mengikuti deklarasi itu, sebuah Komuniti Asean akan diwujudkan pada 2020 merangkumi tiga tonggak utama, iaitu Komuniti Keselamatan Asean (ASC), Komuniti Ekonomi Asean (AEC) dan Komuniti Sosio Budaya Asean (ASCC) untuk mewujudkan keamanan berpanjangan, kestabilan dan perkongsian kekayaan di rantau Asia Tenggara.

Melalui ASC, Asean diharap terus menjadi sebuah rantau yang aman, makmur dan stabil, AEC mendokong kelahiran pasaran tunggal Asean, manakala ASCC bercita-cita mewujudkan sebuah masyarakat Asean yang penyayang.

Megawati berkata, Bali Concord II menekankan komitmen Asean untuk terus menghormati hak negara anggota membuat dasar luar negara dan perjanjian pertahanan mereka sendiri dengan mengambil kira keadaan politik, ekonomi dan keadaan sosialnya.

"Asean juga tidak mempunyai cita-cita untuk menjadi sebuah blok pertahanan atau memiliki dasar luar bersama.

"Bali Concord II juga diharap menyemai nilai bersama seperti perbincangan dan rundingan serta bertukar-tukar maklumat dalam isu seperti pencemaran alam sekitar dan keselamatan maritim serta menyelesaikan isu lama antara negara melalui rundingan," katanya.

Beliau berkata, semua 10 pemimpin bersetuju AEC meningkatkan persaingan Asean, iklim pelaburan dan mengurangkan jurang pembangunan antara negara anggota.

"Kami percaya AEC akan merealisasikan integrasi ekonomi Asean seperti yang termaktub dalam wawasan 2020 Asean," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan selepas mempengerusikan Sidang Kemuncak Asean dan Asean+3 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Bali, di sini semalam.

Beliau berkata, ASCC akan meningkatkan kerjasama untuk memajukan taraf hidup penduduk, pendidikan, pengangguran, mencegah penyakit berjangkit seperti HIV/Aids dan Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS), pencemaran alam sekitar dan pencemaran melepasi sempadan.

Megawati berkata, Indonesia diberi tanggungjawab menyediakan pelan tindakan untuk ASC, manakala Filipina merangka pelan tindakan bagi ASCC. Kedua-dua pelan tindakan itu akan diserahkan kepada mesyuarat menteri luar Asean yang akan diadakan di Jakarta, Julai 2004, sebelum diterima ketua kerajaan pada Sidang Kemuncak ke-10 di Vientiane pada November 2004.

Pelan Tindakan Ekonomi Bali sudah siap dan diterima ketua negara,

semalam. Sementara itu, Pasukan Petugas Peringkat Tinggi mengenai Integrasi Ekonomi Asean mencadangkan peraturan visa untuk perjalanan dalam Asean dimansuhkan menjelang 2005.